

U 8139 BAH  
MAHATHIR - KEMAS

MELAKA, 10 DIS (BERNAMA) -- KEJAYAAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) BANYAK BERGANTUNG KEPADA PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN SEPENUHNYA SEGENAP LAPISAN MASYARAKAT, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU BERHARAP DALAM USAHA KE ARAH ITU, MASYARAKAT SASARAN TAMPIL DENGAN SIKAP YANG POSITIF SUPAYA SEGALA RANCANGAN KERAJAAN UNTUK MEHAJU DAN MEMPERTINGKATKAN TARAF HIDUP MEREKA MUDAH TERCAPI.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN DALAM KATA-KATA ALUANNYA PADA BUKU CENDERAMATA SAMBUTAN JUBLI PERAK KEMAS. SAMBUTAN ITU YANG BERLANGSUNG DI PUSAT EKSPD AIR KERUH, DEKAT SINI, DILANCARKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK SHAFAR BADA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEMAS SEBAGAI SEBUAH AGENSI YANG MENSENDALIKAN PEMBANGUNAN KEMANUSIAAN MEMERUSI PENDIDIKAN TIDAK FORMAL, TELAH BANYAK MEMBERI SUMBANGAN DALAM USAHA-USAHA PEMBANGUNAN NEGARA.

INI TERMASUK USAHA MENSENDALIKAN KELAS-KELAS DENASA BAGI MEMBAHMI BUTA HURUF DI KALANGAN MASYARAKAT HINGGALAH KEPADA PERUBAHAN SIKAP, MENYEMAI RASA KESEDARAN DAN TANGGUNGJAWAB SERTA MEMPERTINGKATKAN TARAF HIDUP. -- LAGI

1513HST 10 12 88

0471

U 8140 BAH  
MAHATHIR - KEMAS 2 MELAKA

SEMENTARA ITU, ENCIK SHAFAR, DALAM KATA-KATA ALUANNYA, BERKATA KEMAS HENDAKLAH BERIKHTIAR MENUJUJUKAN SIKAP DAN ETIKA KERJA POSITIF DI KALANGAN PENDUDUK LUAR BANDAR.

BELIAU, YANG JUSA MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR, BERKATA INI PENTING BAGI MENYEDIAKAN MASYARAKAT LUAR BANDAR YANG BENAR-BENAR BERSEEDIA DAN MAHU MEMERINA CABARAN KEMAJUAN NEGARA PADA MASA AKAN DATANG.

ENCIK SHAFAR BERKATA SELAIN BERSIAT KE ARAH KEMAJUAN EKONOMI, KEMAS JUSA TELAH BERSIAT MEMERANGI BUTA HURUF DAN KINI SEDANG BERSIAT DI KANASAN-KANASAN PEDALAMAN BAGI MENGATASI MASALAH KEKURANGAN ZAT MAKANAN. -- BERNAMA

1514HST 10 12 88